

Dua subjek dipakej semula

BH - 18/1/2006

Kementerian perkenal 3 model pengajaran Bahasa Cina, Tamil pikat bukan Melayu

Oleh Mohd Fuad Razali

PUTRAJAYA: Kementerian Pelajaran akan menyusun dan mepakej semula pengajaran subjek Bahasa Cina dan Tamil di sekolah kebangsaan (SK) bagi menarik lebih ramai ibu bapa bukan Melayu menghantar anak mereka ke sekolah berkenaan.

Berikutan itu, kementerian akan mewujudkan tiga model berbeza dan menjalankan percubaan di sejumlah sekolah terpilih di kawasan kompetitif mulai 2007.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata langkah itu sebenarnya adalah penambahbaikan terhadap pengajaran subjek Bahasa Cina Komunikasi dan Bahasa Tamil Komunikasi yang dilaksanakan di SK sejak 2002.

Katanya, ini langkah tambahan yang dilaksanakan kementerian bagi menarik lebih ramai ibu bapa bukan Melayu menghantar anak mereka ke SK di samping memperkasakan sekolah berkenaan serta menjadikannya lebih beraspirasi nasional.

Bagi menarik minat ibu bapa Islam pula, katanya, kementerian merancang memperluaskan pelaksanaan pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-Qaf) di SK ke 1,235 sekolah lagi tahun ini, tambahan kepada 1,221 SK tahun lalu.

"Saya memberi jaminan segala usaha ini akan kita lakukan tanpa perlu menyekat, menghalang atau menutup sekolah aliran lain," katanya ketika menyampaikan perutusan tahun baru kepada warga Kementerian Pelajaran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini, semalam.

Pada sidang medianya pula, Hi-

shammuddin menjelaskan keputusan muktamad sama ada pelajar boleh membawa telefon bimbit ke sekolah dijangka diketahui selepas beliau membincangkan isu berkenaan dalam mesyuarat mingguan kementeriannya, esok.

Hishammuddin berkata, kementerian akan mengambil kira pandangan semua pihak, termasuk ibu bapa dan guru, ketika membincangkan perkara berkenaan.

"Sekiranya kita rasa ibu bapa dan sekolah masih belum bersiap sedia dan dengan alasan yang diberikan membuatkan kita menarik balik kebenaran tadi, ia bukanlah satu masalah besar kerana kebenaran itu pun bersyarat," katanya.

Beliau mengulas kebimbangan setengah guru dan ibu bapa berhubung kebenaran untuk pelajar membawa dan menggunakan telefon bimbit di sekolah selepas pekeliling mengenai dikeluarkan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Ahamad Sison pada 23 Disember lalu.

Dalam penjelasannya, Dr Ahamad berkata, keputusan kementerian membenarkan pelajar membawa dan menggunakan telefon secara bersyarat di sekolah, dibuat bagi memudahkan ibu bapa memantau dan memastikan keselamatan anak mereka.

Hishammuddin berkata, beliau percaya kebenaran itu diberi kerana Dr Ahamad berasaskan guru dan ibu bapa bersedia memikul tanggungjawab yang timbul apabila pelajar dibenarkan membawa dan menggunakan telefon bimbit di sekolah.

Bagaimanapun, katanya, beliau bersetuju dengan pendapat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bahawa pandangan orang ramai harus diambil kira dalam mem-



KEMESRAAN PEMIMPIN: Hishammuddin beramah mesra dengan penerima watak kenaikan pangkat guru sambil diperhatikan timbalannya, Datuk Mahadzir Mohd Khir (dua dari kanan) selepas menyampaikan perutusan tahun baru kepada warga Kementerian Pelajaran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

buat keputusan berkenaan.

"Memang ada ibu bapa yang rasa dari segi keselamatan dan kemudahan, kebenaran itu harus diberikan dan bersyarat seperti diumumkan Dr Ahamad iaitu hanya boleh digunakan sebelum waktu persekolahan bermula, sewaktu rehat dan selepas sesi persekolahan tamat.

"Tetapi itu pun, Dr Ahamad kata, dalam suasana ibu bapa dan sekolah sudah siap sedia dan mampu memikul tanggungjawab yang datang bersama dengan keputusan sebegitu

“Segala usaha ini akan kita lakukan tanpa perlu menyekat atau menutup sekolah aliran lain”

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran

rupa,” katanya.

Hishammuddin mengakui pemantauan perlu dibuat jika kebenaran itu diberikan serta memberi jaminan akan mengambil kira kebimbangan masyarakat mengenai seperti pelajar menyalahgunakan kemudahan berkenaan, menjejaskan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, keselamatan alat itu serta kemampuan pelajar tidak berada untuk membelinya.

Beliau yakin guru akan menerima sebarang keputusan yang dibuat kementerian berhubung isu berkenaan.